



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**FAKTOR TIADA PERSEFAHAMAN: KAJIAN KES
PERCERAIAN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SHAH
ALAM**

*CAUSES OF MISUNDERSTANDINGS: A STUDY OF DIVORCE CASES IN THE
SYARIAH SUBORDINATE COURT AT SHAH ALAM*

Nurhanisah Hadigunawan¹, Rafeah Saidon^{2*}, Shadli Sabarudin³, Fatin Nabilah Abdul Wahid⁴

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
Email: hanisahgunawan@gmail.com

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
Email: rafeahs@uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
Email: shadli@uitm.edu.my

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
Email: afatinna@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 01.06.2023

To cite this document:

Hadigunawan, N., Saidon, R., Sabarudin, S., & Wahid, F. N. A. (2023). Faktor Tiada Persefahaman: Kajian Kes Perceraian di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 88-99.

DOI: 10.35631/IJLGC.832008.

Abstract:

Realiti kekeluargaan di Malaysia memperlihatkan trend perceraian meningkat setiap tahun. Terdapat banyak faktor yang mendorong kepada berlakunya perceraian dan antara faktor yang mencatatkan peratusan yang paling tinggi ialah tiada persefahaman. Pasangan yang bercerai disebabkan ketidakfahaman mempunyai alasan tersendiri yang menyebabkan mereka perlu bercerai. Justeru, kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perselisihan faham antara pasangan suami isteri. Kajian ini menggunakan kaedah analisis data daripada 15 fail kes dengan pengkhususan pada alasan perceraian disebabkan tiada persefahaman dari tahun 2017-2022. Kajian telah dijalankan di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam. Antara aspek yang dikaji ialah umur suami dan isteri, tempoh perkahwinan dan alasan tidak sefahaman. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan tiada persefahaman sering berlaku disebabkan masalah komunikasi, masalah nafkah dan pengabaian perasaan pasangan yang mana ianya merupakan faktor paling utama, selain faktor lain iaitu pengabaian tanggungjawab agama dan masalah kesihatan.

Kata Kunci:

Kajian Kes, Masalah Komunikasi, Masalah Nafkah, Perceraian, Selangor, Tiada Persefahaman

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstract:**

The reality of family in Malaysia shows that the trend of divorce is increasing every year. There are many factors that lead to divorce and one of the factors that recorded the highest percentage is lack of understanding. Couples who divorce due to misunderstanding have their own reasons for divorce. Therefore, this study aims to identify the factors that cause disagreements between husband and wife. This study uses data analysis methods from 15 case files with specialization on the reason for divorce due to lack of understanding from 2017-2022. The study was conducted at Shah Alam Syariah Subordinate Court. Among the aspects studied are the age of the husband and wife, the duration of the marriage and the reason for disagreement. The results of the study show that misunderstanding often occurs due to communication problems, maintenance problems and neglect of the couple's feelings which is the most important factor, in addition to other factors such as neglect of religious responsibility and health problems.

Keywords:

Case Study, Communication Problems, Maintenance Problems, Divorce, Selangor, Misunderstanding

Pengenalan

Perkahwinan merupakan satu sistem dari Allah S.W.T yang bertujuan memenuhi fitrah manusia melalui penyatuan hubungan antara lelaki dan wanita. Perkongsian hidup antara dua jantina ini sangat memerlukan tahap persefahaman yang tinggi kerana fitrah lelaki dan wanita itu mempunyai banyak perbezaan seperti perbezaan fizikal, pemikiran dan psikologi. Pasangan yang berjaya untuk mengharmonikan perbezaan ini maka mereka mampu untuk mengekalkan hubungan yang dibina. Namun jika sebaliknya berlaku, ianya boleh mendorong pada pertelingkahan yang berpanjangan akibat ketidaksefahaman dan akhirnya membawa pada perceraian.

Persefahaman merupakan salah satu elemen penting dalam mewujudkan rumah tangga yang bahagia. Ini kerana persefahaman mempunyai korelasi yang tinggi dalam membentuk hubungan yang intim atau erat antara suami isteri (Heller & Wood, 1998; Kamali & lain-lain, 2020). Secara asasnya, persefahaman mempunyai maksud yang seerti dengan keserasian, persetujuan, berkongsi maksud yang sama dan kesedaran terhadap perbezaan (Sillars and McLaren 2015). Persefahaman boleh ditakrifkan sebagai membayangkan atau mengetahui dengan benar apa yang difikirkan oleh orang lain. Maksud ini memberi gambaran bahawa persefahaman bermula dengan langkah yang pertama iaitu mengenali pasangan secara realiti (Iafrate & lain-lain, 2012; Rentzsch & lain-lain, 2022). Pasangan yang benar-benar mengenali antara satu sama lain mampu untuk memahami keinginan, cara berfikir dan sikap masing-masing (Decuyper & lain-lain, 2012; Brandstatter & lain-lain, 2018). Hal ini kerana persefahaman terbentuk melalui keupayaan pasangan untuk berinteraksi secara emosi, kognitif, fizikal dan cara penerimaan (Brauer & lain-lain, 2022). Secara tidak langsung menunjukkan semakin mendalam pengetahuan tentang pasangan maka semakin mudah untuk memahaminya.

Selain itu juga, persefahaman mampu memberi kesan yang positif kepada hubungan suami isteri dalam membina kepercayaan antara satu sama lain. Kepercayaan ini penting kerana ianya mendorong pada penerimaan kelemahan dan penonjolan sikap yang sebenar terhadap pasangan

(Shirdel & lain-lain, 2018). Sikap saling memahami dan difahami pada kelebihan dan kelemahan inilah yang merupakan timbal balik kepada suasana yang aman dan harmoni dalam rumah tangga (Allen and Thompson 2016).

Kajian Literatur

Kegagalan pasangan untuk menerapkan elemen tiada persefahaman boleh menjadi punca sering terjadi pergaduhan, perselisihan dan pertengkaran antara pasangan suami dan isteri yang akhirnya mendorong pada perceraian. Ini dibuktikan dengan kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menerusi Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) yang dijalankan setiap sepuluh tahun (2014-2024) mendapati antara faktor utama berlakunya perceraian adalah kerana tidak wujud persefahaman antara suami isteri; yang mana faktor ini mencatatkan peratusan yang paling tinggi jika dibandingkan dengan faktor-faktor perceraian yang lain seperti curang, campur tangan ipar/duai dan lain-lain. Peratusan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Statistik Punca Perceraian Dalam Kalangan Lelaki

Lelaki	Jumlah
Tiada Persefahaman	56.2%
Pasangan curang	11.8%
Campur tangan mertua/ipar duai	10.0%
Lain-lain	22.0%

Sumber: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)


Jadual 2: Statistik Punca Perceraian Dalam Kalangan Wanita

Wanita	Jumlah
Tiada Persefahaman	38.0%
Pasangan curang	20.5%
Pasangan tidak bertanggungjawab	15.2%
Campur tangan mertua/ipar duai	6.0%
Enggan dimadukan	2.8%
Masalah kewangan	4.7%
Pasangan terlibat penyalahgunaan bahan terlarang	2.4%
Lain-lain	10.4%

Sumber: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)


Dapatan ini disokong dengan kajian-kajian lain yang mengkaji tentang faktor penceraian di beberapa buah negeri di Malaysia menunjukkan tiada persefahaman menjadi antara punca berakhirnya sebuah ikatan perkahwinan. Antaranya kajian Wan Murni dan Anwar Fakhri (2018) mendapati faktor tiada persefahaman menjadi faktor utama yang menyebabkan masyarakat di Kelantan bercerai antara tahun 2010-2014. Kajian menunjukkan daripada 45 kes perceraian, sebanyak 37 pasangan memberi alasan tiada persefahaman menjadi punca mereka ingin bercerai. Begitu juga di Selangor menunjukkan faktor utama berlakunya perceraian *Fast Track* yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam antara tahun 2016 hingga 2019 ialah disebabkan tiada persefahaman (Kamalia 2019). Kajian ini juga bertepatan dengan kajian Safura dan Jamayah (2022) yang mendapati tiada persefahaman menjadi faktor yang mencatatkan peratusan paling tinggi sepanjang tahun 2018-2020 di Kuching, Serawak. Ini jelas menunjukkan pada umumnya faktor bercerai disebabkan tiada persefahaman hampir sama dengan negeri-negeri lain dan menjadi faktor perceraian yang utama sejak dari dahulu lagi.

Secara asasnya, pasangan bercerai disebabkan ketidakfahaman mempunyai alasan dan faktor tersendiri yang mendorong mereka untuk bercerai. Menurut Mahmud (1999) tiada persefahaman boleh berlaku di antara suami dan isteri disebabkan pemilihan pasangan yang kurang bersesuaian. Lebih-lebih lagi kesilapan dilakukan dengan memilih pasangan tidak berdasarkan kepada faktor keagamaan (Zulkifli 2003). Pemilihan pasangan yang salah boleh dikaitkan dengan masalah sikap dan personaliti pasangan suami isteri itu sendiri. Sikap suami atau isteri yang berbeza fahaman politik, tidak bertanggungjawab, panas baran serta curang telah menyebabkan sukar mencari titik persefahaman antara pasangan (Faezah & lain-lain, 2020; Shafiyah Iqlima 2020). Menurut Nurhanisah dan Raihanah (2016) sikap pasangan yang negatif seperti panas baran, keras kepala dan sukar dibawa berbincang adalah antara sikap yang mendatangkan masalah dalam hubungan suami isteri. Sikap ini membawa kepada kesukaran untuk mengadakan perbincangan bagi mencari jalan penyelesaian masalah yang timbul. Secara ringkasnya, pemilihan pasangan yang kurang bersesuaian digambarkan seperti rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Faktor Pertama- Masalah sikap


Selain itu, ketidakfahaman juga boleh terjadi apabila tiada kesepadanan atau keserasian dalam aspek kecenderungan, keinginan dan pemikiran antara pasangan (Abd. Jalil 1993). Perbezaan yang agak ketara dari pelbagai sudut seperti agama, sosial, moral, perwatakan dan jurang usia kebiasaannya boleh memberikan kesan yang negatif dalam institusi kekeluargaan seperti mewujudkan perasaan seperti bosan dan hambar (Owen-Hampo 2020). Hal ini akan menjadi pencetus kepada timbulnya kesukaran dan kemudaratan dalam memahami antara satu sama lain (Mohd Saleh 2012). Ini kerana menurut Nurhafizah (2017) menyatakan semakin banyak persamaan antara pasangan itu, semakin tinggi tahap keserasian atau persefahaman yang boleh dicapai antara lelaki dengan wanita dalam memastikan keharmonian rumah tangga. Ringkasan faktor tiada kesepadanan ditunjukkan dalam rajah berikut:



Rajah 2: Faktor Kedua- Tiada Kesepadanan


Di samping itu, Ilhamie (2022) pula berpendapat terdapat masalah tiada persefahaman ini berlaku disebabkan pasangan tidak menghormati hak dan tanggungjawab masing-masing terutamanya masalah nafkah. Ini berlaku apabila seorang suami salah faham dengan tidak memberi nafkah kepada isteri yang bekerja atau kegagalan suami dalam memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anak. Hal ini boleh menjadi punca kepada perselisihan faham kerana pengabaian tanggungjawab di pihak suami boleh mempengaruhi sikap isteri yang mana rasa tekanan yang tinggi dan kurang bahagia menjadikan isteri lebih beremosi negatif dalam berinteraksi dengan suami dan anak-anak (Testa and Leonard 2001). Ringkasan faktor ini ditunjukkan dalam Rajah 3. Kajian lain pula iaitu kajian Hidayatul Sakinah dan lain-lain (2021) yang mengkaji tentang perkahwinan jarak jauh dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia

mendapati antara punca berlakunya perceraian dalam kalangan pasangan yang tinggal secara berjauhan atau dikenali sebagai perkahwinan jarak jauh (PJJ) adalah disebabkan masalah tiada persefahaman dan keserasian antara mereka.



Rajah 3: Faktor Ketiga- Pengabaian Tanggungjawab

Seterusnya, dalam kajian Mariam dan Syafirul Zarif (2017) dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam yang dilakukan bersama pegawai di Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS menjelaskan antara punca berlakunya masalah komunikasi dalam rumah tangga ialah tiada persefahaman antara pasangan dalam berkomunikasi, selain penggunaan kata-kata yang kasar terhadap pasangan dan wujud masalah bahasa yang berbeza. Apabila kedua-dua pihak suami isteri tidak dapat melakukan komunikasi dengan sempurna dan berkesan, maka perasaan ingin memahami dan difahami tidak wujud dalam diri. Ini menyebabkan sesuatu masalah itu tidak dapat diselesaikan dan wujud rasa ketidakpuasan dalam diri masing-masing. Secara tidak langsung mendorong kepada gaya komunikasi yang bersifat mengelak, menyalahkan, dan menghukum yang akhirnya membawa kepada kesukaran mencapai kesepakatan dan persetujuan (Siti Marziah & lain-lain 2019).



Rajah 4: Faktor Keempat- Masalah Komunikasi

Jelas disini menunjukkan, menurut Raihanah (2001) sekiranya perselisihan dan ketidakfahaman yang berlaku sudah tidak dapat dikawal, maka keputusan untuk bercerai adalah tindakan akhir yang akan diambil bagi memberi ketenangan pada kedua-dua belah pihak suami dan isteri. Berdasarkan kajian lepas yang telah diperoleh, faktor tiada persefahaman hanya disentuh sebagai salah satu faktor perceraian sahaja tanpa perbincangan mengenai punca-puncanya. Oleh yang demikian, penyelidik merasakan perlu kepada kajian khusus untuk mengenal pasti alasan berlakunya tiada persefahaman dalam rumah tangga.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang mana penyelidik menggunakan dua kaedah iaitu sekunder data dan kajian kes.

Sekunder data digunakan dengan mengkaji sumber-sumber literatur terhadap fakta-fakta yang diperolehi dari bahan-bahan seperti artikel-artikel, jurnal, dokumen dan kertas kerja dari sumber berautoriti (Rieh and Belkin 1998). Ianya dilakukan untuk membantu penyelidik mendapatkan gambaran awal tentang kajian di samping memberikan idea dan ilham untuk mengenal pasti perkara baru yang tidak terdapat dalam penulisan terdahulu.

Manakala bagi kaedah kajian kes pula, penyelidik telah meneliti 15 fail kes antara tahun 2017-2021 yang didaftarkan di bawah kod kes 055 iaitu permohonan lafaz talak dengan kebenaran mahkamah dan dikhususkan kepada faktor perceraian disebabkan tiada persefahaman. Kajian memilih Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam sebagai tempat kajian kerana menurut Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Selangor merupakan negeri yang mencatatkan jumlah perceraian yang paling tinggi iaitu sebanyak 8,811 pada tahun 2021. Kemudian data yang diperolehi dianalisis dan di rekod dalam bentuk fakta dan statistik.

Dapatan dan Perbincangan

Latar Belakang Responden

Latar belakang yang dikaji adalah jantina pengadu dan kena adu, julat umur pasangan dan julat tempoh perkahwinan.

Jadual 3: Jantina Pengadu (2017-2021)

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah kes
2017	2	1	3
2018	0	2	2
2019	2	1	3
2020	1	3	4
2021	2	1	3
Jumlah	7	8	15
Peratus	46.67	53.33	100

Jadual 4: Jantina Kena Adu (2017-2021)

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah kes
2017	1	2	3
2018	2	0	2
2019	1	2	3
2020	3	1	4
2021	1	2	3
Jumlah	8	7	15
Peratus	53.33	46.67	100

Sumber: Fail Kes Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam

Dari jumlah 15 kes atau responden antara tahun 2017 sehingga 2021, seramai tujuh orang atau 46.67% adalah terdiri dari pengadu lelaki dan lapan (53.33%) orang terdiri dari pengadu wanita (Jadual 1) dan sebaliknya mereka yang kena adu adalah terdiri dari lapan (53.33%)

lelaki dan perempuan yang kena adu adalah seramai tujuh orang atau 46.67%. Ini menunjukkan suami atau isteri masing-masing mempunyai faktor tersendiri yang menyebabkan mereka ingin bercerai dengan alasan tiada persefahaman.

Dapatan ini mendapati perbezaan yang amat sedikit antara jumlah pengadu lelaki dan wanita. Ini bermakna lelaki yang memfailkan perceraian kebanyakan menggunakan alasan tiada persefahaman. Dapatan ini selari dengan statistik yang dikeluarkan oleh LPPKN menunjukkan 56.2 peratus lelaki yang dikaji, mengakui tiada persefahaman menjadi punca mereka menuntut perceraian berbanding dengan kaum wanita yang hanya mencatatkan 38 peratus sahaja (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1). Kenyataan ini juga menguatkan bahawa alasan bercerai disebabkan tiada persefahaman adalah merupakan alasan mudah yang boleh digunakan bagi merangkumi masalah-masalah yang berlaku antara pasangan.

Jadual 5: Julat Umur Pasangan (2017- 2021)

Umur	Jantina		Jumlah	Peratus
	Lelaki	Perempuan		
20-24	1	1	2	6.67
25-29	1	2	3	10.0
30-34	5	6	11	36.67
35-39	3	3	6	20.0
40-44	1	1	2	6.67
45-49	3	1	4	13.33
50 dan ke atas	1	1	2	6.67
Jumlah	15	15	30	100

Sumber: Fail Kes Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam

Jadual 5 menunjukkan umur bagi pasangan bagi tahun 2017 hingga 2021. Berdasarkan data yang diperoleh pada jadual 5, kajian menunjukkan sebanyak 11 orang atau 36.67% yang berumur antara 30 hingga 34 tahun adalah golongan yang banyak bercerai disebabkan tiada persefahaman. Manakala yang berumur 35 hingga 39 adalah golongan kedua iaitu seramai enam orang atau 20%. Seramai empat orang atau 13.33% terdiri dari mereka yang berumur 45 hingga 49 tahun. Selebihnya ialah mereka yang berumur 20 hingga 24 tahun, 40 hingga 44 tahun dan 50 dan ke atas yang mana masing-masing mencatatkan jumlah dua orang atau 6.67%. Dapatan ini menunjukkan pasangan yang berada pada umur dewasa juga tidak lari dari menghadapi masalah dalam perkahwinan walaupun pada tahap umur tersebut dikatakan telah melalui banyak pengalaman hidup yang boleh memantapkan diri.

Jadual 6: Julat Tempoh Perkahwinan Pasangan (2017- 2021)

Tahun	<1	1-5	6-10	11-20	21 dan ke atas
2017	0	3	0	0	0
2018	0	1	2	0	0
2019	1	2	0	0	0
2020	0	2	2	0	0
2021	0	0	1	1	1
Jumlah	1	8	5	1	1
Peratus	6.67	53.3	33.3	6.57	6.67

Sumber: Fail Kes Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam

Jadual 6 menunjukkan tempoh perkahwinan pasangan yang telah bercerai bagi tahun 2017 hingga 2021. Berdasarkan jadual di atas, penyelidik telah mendapati kebanyakan kes perceraian yang berlaku adalah perkahwinan antara tempoh lima tahun ke bawah iaitu sebanyak lapan kes (53.3%) daripada keseluruhan kes tersebut. Manakala kadar perceraian yang kedua tertinggi adalah perkahwinan dalam tempoh antara enam hingga 10 tahun, iaitu sebanyak lima kes (33.3%). Ini jelas membuktikan bahawa tempoh perkahwinan yang kurang dari 10 tahun merupakan fasa berisiko dan mencabar dalam menghadapi saat kemungkinan berlakunya perceraian. Ini kerana menurut Kusmidi (2018) fasa ini merupakan fasa mengenali pasangan dan membina persefahaman antara mereka. Kegagalan untuk memahami antara satu sama lain menyebabkan sesuatu masalah sukar untuk diselesaikan dan boleh meruntuhkan sebuah perkahwinan.

Tetapi berdasarkan data tersebut juga, masih terdapat perceraian yang berlaku walaupun perkahwinan telah melebihi 20 tahun ke atas, iaitu sebanyak satu kes (6.67%). Walaupun kadarnya kecil, tetapi perceraian masih tetap berlaku walaupun pada tempoh ini pasangan telah berada pada tahap stabil. Apabila dilihat kepada sebab berlakunya tidak fahaman antara mereka, si suami tidak patuh kepada ajaran agama dengan melakukan perbuatan yang dilarang seperti arak, pergaulan bebas, tidak solat telah menyebabkan mereka sering bergaduh dan sukar menemui titik persefahaman antara mereka. Faktor ini bertepatan dengan kajian Noor Syaibah dan lain-lain (2016) yang mendapati faktor kurang didikan agama, penyalahgunaan dadah, tingkahlaku pasangan yang buruk adalah antara faktor berlakunya perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan.

Alasan Bercerai Disebabkan Tiada Persefahaman

Jadual 7: Faktor Penyumbang Kepada Tiada Persefahaman

Alasan	Kekerapan	Peratus
Masalah kesihatan	1	4.76
Masalah nafkah	5	23.8
Masalah komunikasi	6	28.5
Pengabaian perasaan	4	19.0
Pihak ketiga	3	14.2
Pengabaian tanggungjawab	2	9.52
agama		
Jumlah	21	100

Sumber: Fail Kes Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam

Jadual di atas menunjukkan terdapat enam jenis alasan yang sering digunakan oleh pasangan yang bercerai disebabkan tiada persefahaman. Kajian mendapati setiap pasangan mempunyai pelbagai faktor yang mendorong kepada terdapatnya ketidakfahaman dalam rumah tangga mereka. Antara alasan yang paling banyak dikemukakan ialah masalah komunikasi antara pasangan suami isteri iaitu sebanyak enam kes atau 28.5%. Berdasarkan kes, antara punca pasangan tidak dapat membina komunikasi yang berkesan dalam perhubungan adalah disebabkan pasangan yang suka menggunakan kata-kata kesat, pendiam dan tidak suka bercakap, sukar dibawa berbincang dan sikap pentingkan diri sendiri. Terdapat juga kes kegagalan komunikasi ini berakhir dengan keganasan rumah tangga seperti memukul. Ini jelas menunjukkan komunikasi yang tidak berkesan membawa pada ketidakfahaman dalam memahami kehendak, harapan dan impian masing-masing. Faktor ini menyokong kajian Fadillah (2016) yang mendapati penggunaan kata kesat, tidak berterus terang, menegur secara

tidak berhemah, sukar untuk dibawa berbincang dan suka menyalahkan pasangan menjadi punca pasangan tidak dapat membina komunikasi yang berkesan dalam perhubungan.

Tiada persefahaman juga berpunca daripada permasalahan nafkah sama ada nafkah sara hidup atau nafkah batin iaitu sebanyak lima kes (23.8%). Kebanyakan kes-kes kegagalan memberi nafkah sara hidup adalah berpunca dari suami meninggalkan isteri, suami tidak mempunyai kerja atau pendapatan tetap dan suami bergantung punca kewangan pada ibu bapa sendiri. Keengganan suami dalam menyempurnakan tanggungjawab mereka dalam bab nafkah telah menyebabkan isteri terpaksa menanggung keluarga sehingga bertahun lamanya. Hal ini lama kelamaan telah menyebabkan pihak isteri sudah tidak dapat bersabar dan merasakan perceraian adalah jalan terbaik bagi mereka. Keadaan ini menyokong pandangan Testa dan Leonard (2001) yang mengatakan pengabaian tanggungjawab di pihak suami boleh memberi kesan yang negatif kepada emosi seorang isteri. Secara tidak langsung membuktikan ekonomi yang tidak stabil atau rapuh boleh mendorong kepada berlakunya pertengkar dan kehidupan rumah tangga menjadi kucar kacir.

Selain itu, pengabaian perasaan pasangan juga menjadi faktor kepada wujudnya perselisihan faham antara pasangan. Kesemua kes iaitu sebanyak empat kes (19.0%) yang mengalami masalah ini adalah berpunca dari sikap suami yang gagal untuk memahami perasaan dan memberi perhatian pada isteri. Sikap suami yang leka dengan telefon bimbit, tidak meluangkan masa, mengaibkan isteri di hadapan khalayak, tidak menghargai isteri serta berat tulang dalam membantu urusan rumah tangga telah menyebabkan isteri makan hati, memendam perasaan dan terluka dengan sikap suami. Kesannya memudahkan perasaan sayang dalam hati seorang isteri dan menyebabkan segala permasalahan yang timbul menemui jalan buntu. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Sari dan Widyastuti (2015) yang mendapati terdapat korelasi tinggi antara emosi isteri dengan penyelesaian konflik dalam rumah tangga. Ini kerana menurut beliau, kunci untuk mengatasi konflik rumah tangga adalah terletak pada emosi isteri. Isteri yang mempunyai emosi yang baik dan sihat mampu untuk menghadapi permasalahan secara rasional. Namun jika sebaliknya, konflik yang berlaku sukar untuk mendapat jalan penyelesaian.

Bagi alasan yang lain iaitu masalah orang ketiga iaitu sebanyak tiga kes atau 14.2%. Pihak ketiga dalam konteks ini adalah pasangan mempunyai hubungan sulit secara sembunyi. Terdapat isteri yang rela meninggalkan rumah tanpa keizinan suami disebabkan ingin mengikut lelaki lain. Hasil dapatan juga mendapati, rentetan dari masalah orang ketiga ini telah menyebabkan berlakunya pengabaian nafkah batin antara pasangan. Ini kerana perasaan curiga dan jijik dalam diri menjadi punca pasangan tawar hati untuk mengadakan hubungan kelamin. Di samping itu, pengabaian tanggungjawab agama iaitu dua kes (9.52%) turut direkodkan sebagai penyumbang kepada berlakunya perselisihan faham dalam rumah tangga. Di sini, yang dimaksudkan dengan pengabaian tanggungjawab agama ialah suami membuat sesuatu yang dilarang dalam agama seperti minum arak, mengambil dadah dan pergaulan bebas bersama dengan wanita yang bukan mahram. Walaupun isteri telah menasihati dan memberi peluang kepada suami untuk berubah, namun tidak diendahkan oleh suami akhirnya menyebabkan isteri memfailkan perceraian terhadap suami.

Kesimpulan

Hasil dari penelitian fail kes mendapati kebanyakan perceraian yang berlaku akibat tiada persefahaman adalah disebabkan faktor utama iaitu masalah komunikasi antara pasangan. Diikuti dengan faktor lain iaitu pengabaian nafkah, pengabaian perasaan pasangan, pengabaian agama serta pihak ketiga. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan sedikit sebanyak pendedahan kepada masyarakat mengenai faktor-faktor yang mendorong berlakunya tiada persefahaman dalam kalangan suami isteri. Pengetahuan ini penting supaya pihak suami dan isteri dapat memainkan peranan masing-masing bagi mengurangkan berlakunya perselisihan faham yang berpanjangan dalam rumah tangga. Pendedahan khusus perlu diberikan terhadap usaha penyaluran ilmu pengetahuan terutamanya ilmu komunikasi rumah tangga, ilmu psikologi dalam rumah tangga serta ilmu agama khususnya fiqh rumah tangga. Setiap pasangan juga perlu sentiasa bijak berhadapan dengan apa juga cabaran rumah tangga dan menanganinya dengan tenang, sabar dan positif.

Penghargaan

Sekalung penghargaan diberikan kepada Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam atas kerjasama yang diberikan sepanjang proses pengumpulan data bagi artikel ini. Begitu juga ucapan terima kasih kepada individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan artikel ini.

Rujukan

- Abd. Jalil, Mohd. Hassan. 1993. *Perkahwinan Dalam Islam Berdasarkan Kepada Dalil, Hukum, Hikmat Dan Panduan Kebahagiaaan*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.
- Allen, Agaitha, and Teresa Thompson. 2016. "Agreement, Understanding, Realization, and Feeling Understood as Predictors of Communicative Satisfaction in Marital Dyads." *Journal of Marriage and Family* 46(4):915–21.
- Brandstatter, Hermann, Veronika Brandstatter, and Rainer B. Pelka. 2018. "Similarity and Positivity of Personality Profiles Consistently Predict Relationship Satisfaction in Dyads." *Frontiers Psychology* 9(June):1–18. doi: 10.3389/fpsyg.2018.01009.
- Brauer, Kay, Rebekka Sendatzki, Fabian Gander, Willibald Ruch, and René T. Proyer. 2022. "Profile Similarities among Romantic Partners' Character Strengths and Their Associations with Relationship- and Life Satisfaction." *Journal of Research in Personality* 99. doi: 10.1016/j.jrp.2022.104248.
- Decuyper, Mieke, Marleen De Bolle, and Filip De Fruyt. 2012. "Personality Similarity, Perceptual Accuracy, and Relationship Satisfaction in Dating and Married Couples." *Personal Relationships* 19(1):128–45. doi: 10.1111/j.1475-6811.2010.01344.x.
- Fadillah, Ismail. 2016. "Faktor Keharmonian Dan Keruntuhan Rumah Tangga." Pp. 394–99 in *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-11 (PERKEM KE-11), Kelestarian Dasar Awam, Daya Tahan Ekonomi dan Kesejahteraan Sejaga*. Vol. 11. Hotel Bangi-Putrajaya, Selangor.
- Faezah, Nur. Musthapar, Azahari Raihanah, and Ahmad Bahiyah. 2020. "Sakinah, Mawaddah Dan Rahmah Dalam Perhubungan Suami Isteri: Analisis Literatur." *Jurnal Syariah* 1(28):81–104.
- Heller, Patrice E., and Beatrice Wood. 1998. "The Process of Intimacy: Similarity, Understanding and Gender." *Journal of Marital and Family Therapy* 24(3):273–88. doi: 10.1111/j.1752-0606.1998.tb01085.x.
- Hidayatul Sakinah, Mohd Zulkifli, Saidon Rafeah, and Abd Aziz Azhar. 2021. "Perkahwinan Jarak Jauh Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia Menurut Perspektif Fiqh

- Dan Undang- Undang Keluarga Islam.” *Journal of Fatwa Management and Research* 26(2):211–26. doi: 10.33102/jfatwa.vol26no2.393.
- Iafrate, Raffaella, Anna Bertoni, Silvia Donato, and Catrin Finkenauer. 2012. “Perceived Similarity and Understanding in Dyadic Coping among Young and Mature Couples.” *Personal Relationships* 19:401–19. doi: 10.1111/j.1475-6811.2011.01369.x.
- Ilhamie, Abdul Ghani Azmi. 2022. “Abai Nafkah Isteri, Anak Punca Cerai.” *Utusan Malaysia*.
- Kamali, Zoleikha, Negah Allahyar, Shahla Ostovar, Syed Mohamed Shafeq, and Mark D. Griffiths. 2020. “Factors That Influence Marital Intimacy : A Qualitative Analysis of Iranian Married Couples.” *Cogent Psychology* 7(1):1771118. doi: <https://doi.org/10.1080/23311908.2020.1771118>.
- Kamalia, Khairud Din. 2019. “Fast Track Sebagai Salah Satu Kaidah Perceraian Kajian Di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam Negeri Selangor.” (Sarjana, Universitas Islam Negeri), h.81.
- Kusmidi, Henderi. 2018. “Konsep Sakinah, Mawaddah Dan Rahmah Dalam Pernikahan.” *EL-AFKAR : Jurnal Pemikiran Keislaman Dan Tafsir Hadis* 7(2):63–78.
- Mahmud, Saedon Awang Othman. 1999. “Hak Wanita Dan Undang-Undang Keluarga Islam.” in *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara ASEAN*, edited by ed. Abdul Monir Yaacob. Malaysia: Institut Kefahaman Islam.
- Mohd Saleh, Ahmad. 2012. *Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn Bhd.
- Noor Syaibah, Shabuddin, Johari Norazilah, and Abdullah Norhasima. 2016. “Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan Di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (Paidhl): Eksplorasi Faktor Divorce Among Middle Adult Spouses At Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (Paidhl): Eksplorasi Faktor.” *Malaysian, Journal of Social Science* 1:36–52.
- Nurhafizah, Ismadi. 2017. “Keperluan Kufu Dan Pengaruhnya Dalam Memperkukuhkan Institusi Kekeluargaan : Satu Kajian Di Daerah Brunei.” Sarjana, Universiti Malaya.
- Nurhanisah, Hadigunawan, and Azahari Raihanah. 2016. “Penghayatan Islam Dan Hubungannya Dengan Konflik Rumahtangga: Kajian Di Unit Runding Cara, Bahagian Undangundang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor.” *Jurnal Syariah* 24(3):393–422.
- Owen-Hampo, Juliet C. 2020. “Causes of Marriage Conflicts and Its Management in The Catholic Diocese of Awka.” *An African Journal of Arts and Humanities* 6(1):28–40.
- Raihanah, Abdullah. 2001. *Wanita, Perceraian Dan Mahkamah Syariah Dalam Wanita Dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publisir.
- Rentzsch, K., S. Columbus, D. Balliet, and T. M. Gerlach. 2022. “Similarity in Situation Perception Predicts Relationship Satisfaction.” *Personality Science* (3):1–26.
- Rieh, Soo Young, and Nicholas J. Belkin. 1998. “Understanding Judgment of Information Quality and Cognitive Authority in the WWW.” *Proceedings of the ASIS Annual Meeting* 35(June 2014):279–89.
- Safura, Ahmad Sharkawi, and Saili Jamayah. 2022. “Analisis Isu Perkahwinan Dalam Kalangan Pasangan Melayu Di Kuching , Sarawak Sepanjang Tahun 2018-2020.” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7(7):e001610. doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1610>.
- Sari, Teti Devita, and Ami Widyastuti. 2015. “Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Kemampuan Manajemen Konflik Pada Istri.” *Jurnal Psikologi* 11(1):49–54.
- Shafiyah Iqlima, Mohd Nadzri. 2020. *Polemik Perceraian Di Malaysia*. Vol. 15/2020.

- Shirdel, M., S. Hosseinian, S. A. Kimiaei, and M. R. Safarian. 2018. "Estimating the Validity and Reliability of Gottman Questionnaires of ' Couple Trust Measurement .'" *Contemporary Family Therapy* (41):37–46. doi: <http://dx.doi.org/10.1007/s10591-018-9470-1>.
- Sillars, A., and R. M. McLaren. 2015. "Understanding and Conflict." *The International Encyclopedia of Interpersonal Communication*.
- Siti Marziah, Zakaria, Nen Salina, Ahmad Badayai Abdul Rahman, and Mat Lazim Hazila. 2019. "Kualiti Perkawinan Pada Fasa Pertama Perkawinan (1-10 Tahun): Penagruh Gaya Komunikasi Dan Penyesuaian Hidup." *Journal of Social Science and Humanities* 16(7):1–11.
- Testa, Maria, and Kenneth E. Leonard. 2001. "The Impact of Marital Aggression on Women's Psychological and Marital Functioning in a Newlywed Sample." *Journal of Family Violence* 16(2):115–30. doi: 10.1023/A:1011154818394.
- Wan Murni, Wan Moktar, and Omar Anwar Fakhri. 2018. "Analisis Punca Perceraian Dalam Kalangan Remaja: Kajian Kes Di Kota Bharu 2010-2014." *Fikiran Masyarakat* 6(2):57–62.
- Zulkifli, Dahalan. 2003. "Krisis Rumahtangga Di Kalangan Pasangan Islam: Kajian Terhadap Kes-Kes Yang Dilaporkan Di Mahkamah Syariah Bukit Mertajam." *ESTEEM Academic Journal* 1:59–66.